

09 NOV 1998

PARLIMEN: TIADA CADANGAN HALANG MENTERI PEGANG LEBIH SATU PORTFOLIO

KUALA LUMPUR, 9 Nov (Bernama) -- Kerajaan tidak bercadang melaksanakan peraturan menghalang seseorang menteri daripada memegang lebih daripada satu portfolio seperti yang dibenarkan sekarang, kata Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Mohamed Nazri Aziz.

Ini kerana sehingga kini tiada masalah yang timbul berhubung isu itu, katanya ketika menjawab soalan tambahan Wan Mohd Jamin Wan Mahmood (PAS-Tumpat). pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Sebelum itu ketika menjawab soalan asal Karpal Singh (DAP-Tanjung) Nazri berkata Peraturan Lantikan Anggota Pentadbiran membenarkan seseorang menteri memegang lebih daripada satu portfolio.

"Keadaan ini tidak seharusnya menjejaskan kepentingan negara malah kerana kepentingan negaralah PM (Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) mengambil penguasaan penuh Kementerian Kewangan supaya segala arahnya bagi mengatasi kegawatan ekonomi dapat dilaksanakan kementerian ini," katanya.

-- BERNAMA

RZS NMO